

07 DEC 1999

Shahidan-Exco

JUMLAH EXCO KERAJAAN PERLIS MUNGKIN KURANG

KANGAR, 7 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata barisan Exco kerajaan negeri yang akan dibentuk minggu depan mungkin lebih kecil jumlahnya daripada enam orang sebelum ini.

Bagaimanapun ketika ditemui selepas menghadap Raja Perlis di Istana Kenangan Indah, Repoh dekat sini hari ini, beliau tidak menyatakan jumlah sebenar anggota Exco itu yang dijangka mengangkat sumpah pada Isnin depan.

"Saya akan cadangkan nama-nama Exco kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)... terpulang kepada beliau untuk menentukannya," kata Shahidan yang akan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar di Istana Arau esok.

Beliau berkata pelantikan anggota Exco kerajaan negeri akan berteraskan pengalaman dan kebolehan mereka sebagai pentadbir.

Shahidan yang juga anggota dewan undangan negeri kawasan Tambun Tulang itu berkata, jumlah anggota Exco yang kurang itu bersifat sementara sahaja dan mungkin diisi sepenuhnya kemudian.

Beliau juga berkata Speaker Dewan Undangan Negeri kali ini mungkin dilantik bukan daripada kalangan wakil rakyat.

Shahidan berkata Speaker DUN tidak semestinya dilantik daripada kalangan anggota dewan undangan negeri.

Bagaimanapun beliau enggan membayangkan orang yang bakal memegang jawatan itu yang sebelum ini disandang oleh Datuk Bahari Taib.

Bahari gagal mempertahankan kerusi dewan undangan negeri Santan pada pilihan raya umum 29 Nov lepas apabila tewas kepada muka baru daripada PAS, Zolkharnain Abidin.

Perlis mempunyai 15 kerusi dewan undangan negeri, 12 daripadanya dimenangi Barisan Nasional (BN) dan bakinya oleh PAS pada pilihan raya umum itu.

-- BERNAMA

AD NMO